



NOVEL POPULAR DAN KECENDERUNGAN KHALAYAK REMAJA (Popular Novels and Its Tendency among Adolescent Readers)

Mawar Safei, Rosnah Baharudin, Siti Rugayah Tibek,
Fariza Md Sham, Zamri Ariffin, Samsiah Mohd Nor

ABSTRAK

Kertas ini berdasarkan penyelidikan FRGS berkod UKM-PP-04-FRGS0004-2006 iaitu “Citra Dakwah dalam Novel Melayu Popular: Kajian Pandangan dan Kecenderungan Pembaca Remaja”. Penelitian ini lebih melihat apakah yang ditawarkan novel popular sehingga ia diterima oleh sebilangan besar pembaca remaja. Lima novel yang dirumuskan sebagai yang “paling popular” adalah *Bicara Hati* (Damyah Hana), *Kau Untukku* (Aisyah Sofea), *Jendela Hati* (Aisyah Sofea), *Kau yang Satu* (Nia Azalea) dan *Manisnya Cinta* (Anis Ayuni). Dapatkan kajian adalah dua bentuk yang mempengaruhi kuasa beli dan milik novel popular iaitu (i) ciri luaran yang terdiri daripada penerbit, promosi, pengarang dan pakej pada novel; (ii) ciri dalaman yang terdiri daripada tema/persoalan, watak/perwatakan dan teknik penulisan (dimensi bahasa dan latar). Ciri luaran 4P sangat mempengaruhi kedudukan genre ini. Sementara ciri dalaman berikut bertindak sebagai pemangkin iaitu tema percintaan muda mudi, konflik perkahwinan dan kekeluargaan; watak fizikal yang menarik, berpendidikan tinggi, gaya hidup bandar, gengsi dan elit; plot yang senang difahami dengan unsur kebetulan; penggunaan bahasa kolokial yang terapung-apung antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Ciri-ciri ini sangat sesuai dengan tuntutan peribadi remaja yang berpegang kepada slogan *simplicity and pleasure*.

Kata kunci: Novel popular, Remaja dan Novel, Damyah Hana, Aisyah Sofea, Nia Azalea, Anis Ayuni.

ABSTRACT

This study is based on the FRGS fund titled UKM-PP-04-FRGS0004-2006 iaitu “Citra Dakwah dalam Novel Melayu Popular: Kajian Pandangan dan Kecenderungan Pembaca Remaja” (Dakwah Images in Popular Malay Novels: Study on the Views and Tendency in Adolescent Readers”. This research focus on what popular novels had offered to the acceptance among most of the adolescent readers. The most five popular novels are *Bicara Hati* (Damyah Hana), *Kau Untukku* (Aisyah Sofea), *Jendela Hati* (Aisyah Sofea), *Kau yang Satu* (Nia Azalea) dan *Manisnya Cinta* (Anis Ayuni). The findings discover that there are two aspects which influence on the scenario e.g. (i) the external which involves publishers, promotions, authors and special package in novels; (ii) the internal which includes themes/problems, characters/characteristics and writing techniques. The 4Ps external traits give such an impact on this genre. Whilst the internals fortify via the love theme, marriage and family conflict; attractive, well educated, urban stylish characters; straightforward plot with coincidences; colloquial style especially jumbling Malay and English. All these traits go well with the adolescents that favor simplicity and pleasure.

Keywords: Popular Novel, Novel and Adolescence, Damyah Hana, Aisyah Sofea, Nia Azalea, Anis Ayuni.

PENDAHULUAN

Penulisan ini bersifat melengkapi beberapa dimensi lain dalam batasan penyelidikan yang dilakukan ke atas novel Melayu *popular* terlaris sepanjang tahun 2004 hingga 2007. Dimensi yang ditumpukan dalam penyelidikan novel popular ini ialah (i) mesej dakwah, (ii) pandangan dan kecenderungan pembaca remaja terhadap genre ini. Bagi memenuhi tuntutan bahagian (ii) itu, ditinjau ciri-ciri yang ada dalam genre ini yang menjadikan ia *popular* dan merupakan pilihan bacaan dalam kalangan remaja.

Maka perbincangan ini menumpukan contoh dari lima buah novel yang dirumuskan dalam penyelidikan yang dijalankan berkenaan sebagai yang *paling popular*; ia diminati dalam kalangan responden berdasarkan beberapa alasan. Novel-novel itu ialah,

- i. *Bicara Hati* oleh Damya Hana
- ii. *Kau Untukku* oleh Aisya Sofea
- iii. *Jendela Hati* oleh Aisya Sofea
- iv. *Kau yang Satu* oleh Nia Azalea
- v. *Manisnya Cinta* oleh Anis Ayuni

Pemilihan ke atas lima buah novel ini ada kaitannya dengan faktor penerimaan yang baik dari khalayak khususnya dalam kalangan responden penyelidikan iaitu 210 orang remaja yang berusia 18 hingga 25 tahun. Novel-novel ini mengalami ulang cetak hingga dua belas kali yang setiapnya dicetak lebih daripada sepuluh ribu naskhah. Misalnya *Bicara Hati* (2003) sehingga 2007 mengalami dua belas kali cetak. Manakala novel *Jendela Hati* (2000) sehingga 2007 dicetak sebanyak 13 kali, novel *Kau Untukku* (2001) sehingga 2006 dicetak sebanyak 12 kali. Novel *Kau yang Satu* (2002) sehingga 2007 dicetak sebanyak 12 kali dan novel *Manisnya Cinta* (2004) sehingga 2006 dicetak sebanyak enam kali. Jumlah cetakan ini antara lain memberikan petunjuk ke atas *popular*, permintaan yang tinggi dalam kalangan pembacanya iaitu kelompok remaja.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan lima novel yang dinyatakan, berikut adalah ciri yang ada dan dilihat sebagai daya tarikan ia diterima dan seterusnya meletakkan novel-novel ini sebagai yang terlaris dan dapat dianggap popular. Kerangka *popular* yang digunakan dalam konteks penyelidikan dan penulisan ini ialah (i) yang terlaris (menurut senarai yang dikeluarkan penerbit) dan (ii) yang tertinggi jumlah cetakannya.

PERBINCANGAN CIRI NOVEL POPULAR

(a) Ciri Luaran

Ciri luaran yang dikemukakan adalah berdasarkan beberapa catatan dan kajian lepas yang dijalankan antara lain oleh Samsiah Mohd Nor (2008) dan kerangka psikologi remaja yang dipetik dalam kajian ini iaitu oleh Berstein (1988). Ciri luaran yang dimaksudkan ini termasuk mempertimbangkan aspek:

- i. penerbit,
- ii. promosi yang dijalankan,
- iii. pengarang

iv. pakej yang ada pada novel

Novel popular sebagai sebuah sub-genre novel, rata-rata mula muncul dalam dekad 90-an rentetan daripada penyertaan Creative Enterprise yang pertama kali menerbitkan novel pada 1989. Ternyata penerbit ini melanjutkan konsep *in-house product* yang bersifat popular - santai dan ringan seperti majalah terkenalnya *Gila-gila*, sebuah komik humor. Dalam kajian Samsiah Mohd Nor (2008), “faktor reka bentuk kulit buku dan gaya penceritaan yang menarik dan diubahsuai dengan selera pembaca kontemporari”, membantu penerimaan khalayak terhadap konsep *popular* itu. Strategi ini rata-rata menjadi ikutan Alaf 21 yang mula beroperasi pada 1997 dan mencipta rekod dengan jumlah cetakan dan jualan yang tertinggi sehingga 100, 000 naskah (Rahaiza Ismail, Hamidah Zabidi, Mohd Yusman Awang dan Muhd Zuki Pileh, 2003). Selepas mereka, muncul beberapa penerbit kecil lain seperti Diwangsa Publications, Raket Kertas, Khalysa Publications, KarnaDya Solutions, Penerbit Kaki Novel, NB Kara, Penerbit Jemari Seni, Intens Media dan Nylea Publishing. Para penerbit ini ternyata menggunakan strategi yang sama iaitu menggembleng dimensi pemasaran dengan menentukan apa yang harus ada pada sebuah novel *popular* yang dipegang. Strategi ini seperti menjadi *in-house trademark* kepada penghasilan novel popular.

Promosi merupakan antara strategi pemasaran yang digembleng Alaf 21 bagi memastikan peningkatan jualan, jumlah cetakan dan kedudukan novel di tangga *terlaris dan popular*. Laman sawang penerbit ini iaitu <http://www.alaf21.com.my> merupakan antara wahana di jaringan yang dapat dicapai para pembaca. Dalam ruang ini didapati pelbagai dimensi interaktif seperti bersoal jawab dengan penulis, mengetahui lebih lanjut tentang penulis menerusi ruang blog mereka (profil penulis), membeli secara maya atau peraduan seperti “Aku dan Bukuku”. Begitu juga penerbit menggunakan ruang ini sebaiknya untuk menjual novel-novel secara pakej seperti konsep “trionovel - tiga novel setiap bulan” (sama ada penulis yang sama atau dipelbagaikan). Iklan pakej sebegini di samping mewar-warkan penerbitan novel baru, juga dilakukan pada halaman terakhir kebanyakan novel yang dipegang pembaca. Terdapat senarai buku dengan borang pesanan yang boleh diposkan. Sebelum Julai 2008, setiap novel akan disisipkan dengan penanda buku yang dicetak ilustrasi kulit buku. Ia juga dilihat sebagai kerja promosi Alaf 21.

Di samping secara maya, promosi besar-besaran juga dimanfaatkan untuk merapatkan hubungan penulis-pembaca menerusi kegiatan pameran/penjualan buku seperti Pesta Buku Selangor (25 Julai - 3 Ogos di Kompleks PKNS, Shah Alam, Pesta Buku Antarabangsa (31 Julai - 3 Ogos di PWTC, Kuala Lumpur) atau Pesta Buku Brunei (29 Februari - 3 Mac 2008 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas). “Rangkaian kedai” seperti yang tertera dalam laman sawang Alaf 21 ini juga menawarkan ruang kepada sesiapa sahaja untuk menjadi wakil pengedar/penjual dengan menghubungi pihak penerbit. Ini antara lain merupakan proses “merakyatkan” buku-buku terbitan Alaf 21 termasuk novel-novel. Ia boleh didapati hampir di mana-mana sahaja – dari kedai buku besar seperti MPH hingga ke kiosk di perhentian bas.

Pakej *popular* pada novel termasuk pemilihan judul, nama pena yang digunakan, ilustrasi, warna yang dipilih, ketebalan novel serta harga. Jadual 1 berikut menyatakan beberapa ciri luaran dalam lima novel kajian,

Judul yang dipilih pengarang (atau mungkin ditentukan penerbit) lazimnya bersifat metaforik dan ada mainan emosi. Kesendengannya terhadap nada percintaan, jelas menjadi rumus (formula) kebanyakan judul novel-novel ini. “Cinta” jelas digembleng bukan sahaja pada kandungan novel (dibincangkan selepas ini), malah sejak awal tersemat pada judul novel. Perkataan/frasa “hati”, “cinta” atau “kau untukku”, rata-rata cepat membawa pembaca ke ruang percintaan. Mengambil kira responden remaja, gejala percintaan yang kerap dan

banyak berlaku dalam lingkungan usia 18 hingga 25 tahun, mewajarnya pemilihan terhadap novel-novel sebegini.

Jadual 1: Ciri Luaran Lima Novel Popular

Judul Novel	Pengarang	Ilustrasi	Warna	Jumlah Halaman	Harga (RM)	Jumlah cetakan
<i>Bicara Hati</i>	Damya Hanna (Intan Suhana Ramli)	Wanita berskaf, pendayung sampan-tasik, senja	Merah kejinggaan	576	18.00	100,000 (2003-7) 12 kali
<i>Kau Untukku</i>	Aisya Sofea (Hanizura Jamaluddin)	Lambang cinta (<i>heart</i>)	Latar biru dan lambang hati merah muda	480	19.90	80, 000 (2001-6) 12 kali
<i>Jendela Hati</i>	Aisya Sofea (Hanizura Jamaluddin)	Lalang, senja	Merah kejinggaan	344	14.00	60,000 (2000-7) 13 kali
<i>Kau Yang Satu</i>	Nia Azalea (Nor Afzalina Azmee)	Bunga merah muda, tasik, lelaki dan wanita dalam sampan	Merah muda, biru, ungu, kelabu	424	14.00	60,000 (2002-2007) 11 kali
<i>Manisnya Cinta</i>	Anis Ayuni (Latifah Mohd Yusuf)	Lelaki-wanita berdiri rapat, laut, kereta volkswagon merah	Biru-kelabu	480	17.00	70, 000 (2004-2006) 7 kali

Krisis identiti dalam kalangan remaja, menurut Erikson (Berstein, hlm. 66), bermula apabila remaja ghairah menyertai alam sosial - sekolah dan persahabatan. Remaja mula mengenal makna hubungan sosial dan tanggungjawab. Mereka mula berfikir, mencari penjelasan dan menanggapi. Apalagi setelah melewati alam persekolahan, proses pembentukan identiti diri bergerak dengan rancak. Tambah Erikson,

“In this crisis, the adolescent must develop an integrated image of himself or herself as a unique person. This is done by pulling together self-knowledge acquired during childhood. If infancy and childhood brought trust, admiration, and autonomy, the adolescent will resolve the identity crisis positively, feeling self-confident and competent. If infancy and childhood resulted in feelings of mistrust, shame, guilt and inferiority, the adolescent will be confused about his or her identity and goals”.

Maka remaja akan sering mencari ruang untuk pengenalpastian ini. Penafian kepada diri yang masih “belum punya identiti” akan membawa remaja kepada pencarian *pleasure principle*. Konsep ini banyak diajukan dalam Freudian tentang id, hubungannya dengan

tenaga libido yang mengandung naluri asas, kehendak, eros (*pleasure and sex*); walaupun ia bukan hanya berlaku dalam kalangan remaja. Ia juga berhubungan dengan mekanisme bela diri remaja, proses *projection* atau *displacement* kepada diri orang lain. Remaja meletakkan diri mereka dalam watak-watak dalam novel (Berstein dan Roy, 1988: 511-513). Dalam konteks perbincangan ini, novel popular dapat mengisi antara ruang pencarian tersebut. Agen terawal yang ditemui ialah judul novel dan ini sangat dipertimbangkan pihak penerbit. Judul dijadikan antara strategi utama penerbit untuk memancing pembeli dan seterusnya pembaca mereka iaitu golongan remaja.

Seterusnya, nama yang diletak sebagai penulis novel-novel ini seperti yang tertera dalam jadual, kesemuanya bukan nama sebenar. Nama-nama seperti Aisyah Sofea, Anis Ayuni, Damya Hanna dan Nia Azalea, ternyata lebih gengsi daripada Hanizura Jamaluddin, Latifah Mohd Yusuf, Intan Suhana Ramli dan Nor Afzalina Azmee. Mainan rima dua kata yang digabungkan menjadi satu nama, memungkinkan ia berbunyi lebih menarik, ranggi, feminin atau mudah diingat. Pengarang yang kesemuanya wanita, turut memainkan peranan dalam pemilihan novel-novel ini sebagai yang terlaris. Wanita yang menulis tentang wanita menurut kajian *gynocritic* yang pada dasarnya *lebih tahu dan memahami perihal kewanitaan*. Kelima-lima pengarang ini rata-rata mengangkat kedudukan wanita, berlaku adil, mempunyai semangat *sisterhood*, memahami perasaan, kehendak, penderitaan wanita dan memperdengarkan suara wanita.

Kebanyakan ilustrasinya mengambil wajah wanita yang ayu, lelaki dan wanita yang digambarkan seperti sedang berkasih atau pemandangan yang indah dan romantik seperti tasik, bunga, laut atau lambang cinta (*heart*). Ilustrasi ini rata-rata membawakan mesej wanita dan percintaan. Hampir tidak ada kulit buku yang kosong tanpa sebarang deskripsi itu.

Ketebalan atau jumlah halaman juga memainkan peranan dalam menentukan kepopularan novel. Sesebuah novel yang tebal rata-rata akan mengajukan plot yang panjang dengan pemerian watak, latar atau peristiwa yang bersambung-sambung. Perkara ini dihurai lanjut dalam ciri dalaman novel popular. Daripada kelima-lima novel yang dikaji jumlah halamannya ialah di antara 344 hingga 576 halaman. Secara relatif harga yang berpatutan RM19.90 dengan ketebalan melebihi 300 halaman, membolehkan remaja mendapatkan novel-novel ini.

(b) Ciri Dalaman

Unsur-unsur dalaman novel berikut digunakan untuk melihat kedudukan novel pilihan remaja berkenaan iaitu,

- i. tema/persoalan,
- ii. watak/perwatakan,
- iii. teknik penulisan (dimensi bahasa dan latar),

Lazimnya unsur-unsur dalaman yang menarik dan mudah difahami pembaca merupakan daya pancingan utama khalayak membaca novel-novel berkenaan. Perbincangan beberapa unsur yang ditumpukan diringkaskan dalam Jadual 2 berikut,

Jadual 2: Ciri Dalaman Lima Novel Popular

Judul Novel	Tema/Persoalan	Watak	Latar Tempat
<i>Bicara Hati</i>	Konflik perkahwinan kontrak, kekeluargaan rapat	Zahlia, Tengku Syahran, Razif, Tengku Badariah, Fatimah	Kota, Rumah tangga, tinggal bersama ibu bapa
<i>Kau Untukku</i>	Percintaan muda mudi, kekeluargaan	Nurul Umairah, Fuad, Stella	Kota, Pejabat, rumah sewa
<i>Jendela Hati</i>	Perkahwinan ganti tikar, kekeluargaan	Farah Wahidah, Lukman Hafizi, Zahin, Liza, Nazim	Kota, rumah tangga tinggal bersama ibu bapa
<i>Kau yang Satu</i>	Perkahwinan diatur keluarga, kekeluargaan	Salina, Taufik Iskandar, Isabella	Kota, rumah tangga, kampung nelayan
<i>Manisnya Cinta</i>	Percintaan muda mudi, kekeluargaan	Ifti Liyana, Nazmi, Juita	Kota, rumah tangga, tinggal bersama ibu bapa

(c) Tema dan Persoalan

Merujuk Jadual 2, didapati dua buah novel mengutarakan percintaan muda mudi yang diakhiri dengan perkahwinan setelah menempuh pelbagai rintangan. Kebanyakannya berkisar di sekitar masalah mencari titik pertemuan terhadap perasaan dan hati pasangan mereka atau tidak mendapat restu dari ibu bapa pasangan. Novel itu ialah *Kau Untukku* dan *Manisnya Cinta*. Percintaan watak-watak utama *Kau Untukku* iaitu Nurul Umaira dengan Fuad merupakan yang kedua buat mereka. Nurul Umairah kematian tunangnya, Jeffri, dalam kemalangan jalan raya. Fuad pula ditinggalkan kekasihnya Ellina setelah mereka menamatkan pengajian di England. Secara kebetulan Fuad merupakan ketua pejabat Nurul Umairah. Percintaan mereka menghadapi ujian setelah Nurul berterus terang mengakui bahawa dia adalah anak angkat kepada sebuah keluarga sederhana di Ipoh. Kedudukan Nurul Umairah itu dianggap tidak setaraf dengan Fuad. Pendapat ini ditegaskan oleh ibu Fuad kerana mereka datang dari keluarga kaya. Selain itu kewujudan orang ketiga iaitu Ellina, gadis jelita yang pernah menjadi kekasih Fuad dan dianggap sebagai calon yang paling sesuai untuk Fuad. Ibu Fuad berusaha untuk merapatkan hubungan anak lelakinya itu dengan Ellina yang merupakan anak sahabatnya. Tetapi percintaan mereka diakhiri dengan perkahwinan setelah Fuad menolak Ellina yang pernah meninggalkannya.

Kisah percintaan pelbagai dugaan yang dilalui dengan penuh ketabahan, dianggap dapat menarik perhatian pembaca remaja. Kisah percintaan antara Ifti Liyana dengan Nazmi dalam novel *Manisnya Cinta* pula mengalami liku yang berbeza walaupun nasib Ifti ada persamaan dengan Nurul Umairah. Ifti pernah mengalami putus cinta dengan Alfredo yang memilih Juita, setiausahanya sendiri sebagai isteri. Alfredo beraskan Juita lebih dekat di hatinya berbanding Ifti Liyana, anak kepada sahabat ibunya. Kisah percintaan yang disulam pelbagai ragam dan asam garam percintaan seperti perasaan cemburu dan tercabar dengan kehadiran orang ketiga, perasaan bimbang terhadap kesetiaan pasangan dan pujuk rayu di antara mereka, merupakan rumus yang digembleng penulis untuk menarik perhatian khalayak remaja.

Perkembangan psikologi remaja atau awal dewasa lazimnya berhadapan dengan pelbagai konflik antaranya percintaan (Berstein, hlm. 71). Takat ini membolehkan mereka berinteraksi, menanggapi hubungan serta menjalin hubungan yang lebih bersifat peribadi atau intim. Tambahan dalam catatan Berstein, *social clock* yang ditanggap Bernice Neugarten (1968), inilah saatnya kelompok manusia ini mengalami konflik percintaan. Keadaan ini selaras dengan dapatan kajian iaitu 21.4 peratus responden berminat membaca novel berunsur cinta.

Tiga novel seterusnya iaitu *Bicara Hati*, *Kau yang Satu* dan *Jendela Hati* pula membawa konflik yang timbul dalam perkahwinan pasangan muda. *Bicara Hati* mengutarakan tema perkahwinan kontrak watak utamanya iaitu Zahlia dengan Tengku Syahrhan. Walaupun mereka hanya baru seminggu berkenalan saat kereta Zahlia terlanggar kereta Tengku Syahrhan. Rancangan memujuk Zahlia berkahwin timbul apabila pada masa yang sama ibu Tengku Syahrhan mendesaknya berkahwin dengan Linda; anak sahabat baiknya. Tengku Syahrhan menolak kerana Linda seorang yang bebas dan gemar bertukar pasangan semenjak mereka belajar di England. Setelah dipujuk berkali-kali Zahlia akur apabila Tengku Syahrhan bersetuju membayar RM 30,000 dan mematuhi beberapa syarat antaranya setelah berkahwin mereka akan tinggal berasingan dari ibu bapa Tengku Syahrhan, mengakui hak persendirian mereka dan tidak akan bersama walaupun mereka sudah sah sebagai suami isteri. Wang itu digunakan untuk bayaran pembedahan Razif; teman baik Zahlia yang mengidap penyakit barah perut tanpa diketahui Tengku Syahrhan. Konflik perkahwinan kontrak menjadi fokus utama novel ini di samping beberapa konflik lain seperti asal usul Zahlia yang berjawatan sebagai guru di Sinar Aram; sebuah rumah kebajikan tempat Zahlia dibesarkan dan belajar di tahap sekolah rendah, kisah ibu kandung Zahlia iaitu Tengku Khalida yang secara kebetulan sepupu Tengku Badariah iaitu ibu Tengku Syahrhan. Zahlia diambil sebagai anak angkat oleh Puan Azizah, yang merupakan watak sampingan novel ini. Namun di sepanjang plot novel ini, banyak keputusan yang melibatkan perkahwinannya tidak merujuk terlebih dahulu kepada ibu angkatnya itu. Sebaliknya Zahlia diberi peluang penuh oleh pengarang novel ini untuk menentukan perkahwinannya dengan Tengku Syahrhan yang merupakan sesuatu yang agak janggal dalam adat Melayu.

Konflik perkahwinan kontrak, rata-rata dapat dianggap menjadi tarikan kepada khalayak muda yang merupakan sasaran penyelidikan ini. Perkahwinan kontrak itu hanya diketahui dalam kalangan sahabat Zahlia iaitu Fatimah, guru di Sinar Aram dan Ahmad Adli, sahabat karib Tengku Syahrhan semenjak mereka belajar di England seterusnya bekerja di Neraca Holdings, syarikat kepunyaan keluarga Tengku Syahrhan. Zahlia dan Tengku Syahrhan sering mengadu dan meminta nasihat dari sahabat karib mereka itu. Mereka berdua iaitu Fatimah dan Adli disifatkan sebagai sahabat sejati kerana sering memberi nasihat berguna kepada Zahlia dan Tengku Syahrhan bagi menyelamatkan rumah tangga yang dibina di atas dasar kontrak itu.

Tinggal di rumah ibu bapa secara tidak langsung memberi peluang untuk Zahlia dan Tengku Syahrhan saling mengenali diri dan hati budi. Mereka berpura-pura sebagai pasangan bahagia di hadapan ahli keluarga. Persis *Kau Untukku* dan *Manisnya Cinta*, terdapat unsur orang ketiga dalam hubungan perkahwinan Zahlia dan suaminya apabila Tengku Syahrhan mengetahui perbuatan isterinya yang sering melawat Razif setelah menjalani pembedahan. Situasi itu mendorong Tengku Syahrhan menuduh Zahlia sebagai isteri curang. Danya Hanna menggunakan teknik ironi iaitu pembaca mengetahui bahawa Zahlia tidak pernah menganggap Razif lebih daripada seorang sahabat kerana pengalaman mereka dibesarkan di Sinar Iram.

Berita tentang perkahwinan kontrak itu dan status diri Zahlia yang ditemui di dalam semak dan dibesarkan di rumah anak yatim akhirnya diketahui oleh Tengku Badariah, seterusnya mendesak Tengku Syahran menceraikan isterinya itu. Tetapi perkahwinan itu dapat diselamatkan dengan sifat tegas Tengku Syahran yang mengetahui status sebenar Zahlia, puteri tunggal Tengku Khalida dengan Megat Safiuddin yang meninggal dunia dalam kebakaran.

Novel *Kau yang Satu* turut mengemukakan tema perkahwinan dalam kalangan pasangan muda iaitu Salina, seorang anak nelayan dengan Taufik Iskandar, anak tunggal Datuk Mustaza tuan punya syarikat Mesra Holdings. Perkahwinan itu dianggap tidak sekufu tetapi ia adalah kerana untuk membalas budi; Sulaiman, bapa Salina pernah menyelamatkan nyawa Datuk Mustaza, dalam suatu kejadian ribut di laut Kuantan. Selain itu, Datuk Mustaza tertarik hati dengan adab sopan Salina yang berpenampilan sederhana tetapi padanya “segalagalanya baik tentang Salina. Ayu, cantik, manis, bertudung dan bersopan santun” (hlm. 33). Walaupun Salina tidak dapat melanjutkan pendidikannya ke universiti kerana faktor kemiskinan, dia mampu menarik perhatian Taufik yang ketika itu sedang menjalin hubungan dengan Isabella, seorang model; namun tidak direstui oleh ke dua ibu bapanya.

Taufik menolak perkahwinannya dengan Salina dan hanya bersetuju apabila Datuk Mustaza berjanji akan menghapuskan “hutang” Taufik sebanyak RM 1 juta kerana gagal mengurus Mesra Tower. Taufik menerima pilihan ayahnya dengan terpaksa. Pasangan muda itu tinggal di sebuah rumah besar, hadiah Datuk Mustaza. Salina digambarkan menjalani tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dengan baik walaupun mereka tinggal di bilik berasingan sebagai syarat dari Taufik. Kehidupan mereka tidak seperti suami isteri biasa malah Taufik langsung tidak menjamah makanan masakan Salina.

Konflik rumah tangga Taufik dengan Salina semakin berkocak apabila Taufik mencemburui Salina yang mempunyai hubungan dengan Zulkifli; jurutera syarikat yang merupakan teman sekampung Salina. Namun Zulkifli dilukiskan seorang Muslim yang memahami soal halal haram termasuk pergaulan dengan isteri ketuanya sendiri. Mengenai kasus ini Salina dan Zulkifli menepati ciri Muslim yang baik dan rata-rata dapat menjadi contoh kepada para pembaca novel ini.

Daripada perbincangan ini, peranan sahabat karib diwujudkan dalam plot cerita untuk membantu Taufik dalam pelbagai aspek kehidupan. Kewujudan dan peranan yang dimainkan Rico yang telah dikenali sejak sama-sama belajar di England dan seterusnya bekerja disyarikat yang sama sangat penting dalam memulihkan perasaan, semangat dan membangkitkan kesedaran tentang tanggung jawab sebagai suami dimunculkan juga dalam plot cerita. Dalam novel ini peranan ini dipikul oleh Rico yang sentiasa bertindak positif terhadap sahabatnya Taufik sehingga sebagai suami dia menimbangkan semula sikap kerasnya kepada Salina. Hasil dari nasihat Rico, Taufik mula bersikap *mawwaddah warrahmah* (belas kasihan dan menyayangi) terhadap isterinya. Taufik juga bertindak menjauhkan diri daripada Isabella yang digambarkan berazam hendak memerangkap Taufik setelah dia mengandungi hasil hubungan dengan Richard; seorang jurugambar profesional.

Rumah tangga Salina dan Taufik bergoncang setelah Isabella menuduh Taufik bapa kepada anak yang dikandungnya. Berita itu memenuhi ruang akhbar dan menyebabkan Taufik membawa diri ke Switzerland untuk mengamankan jiwa. Akhirnya cerita berakhir dengan kegembiraan setelah Isabella mati dibunuh oleh Richard yang mengakui dia bertanggung jawab ke atas bayi yang dikandung Isabella.

Mirip *Bicara Hati* dan *Kau Yang Satu*, novel *Jendela Hati* juga dapat dikategorikan sebagai novel yang mengangkat tema percintaan dan perkahwinan pasangan muda iaitu

antara Farah Wahidah dengan bekas abang iparnya Lukman Hafizi. Sarah, kakak kembar Farah meninggal dunia dalam sebuah kemalangan meninggalkan suami dan anaknya, Zahin yang berumur dua tahun. Sebelum meninggal dunia Sarah ada menulis surat kepada Farah, mewasiatkan Farah berkahwin dengan Lukman dan menjadi ibu kepada Zahin. Lukman menerima Farah walaupun sukar melupakan isterinya Sarah. Pasangan ini menjalani hidup berasingan seperti dialami oleh pasangan Zahlia dan Tengku Syahran serta Salina dan Taufik. Tetapi Aisyah Sofea menggambarkan sebagai suami, Lukman memperolehi haknya secara paksa terhadap isterinya itu hingga Farah mengandung. Sikap tidak peduli Lukman kerana masih tidak dapat melupakan arwah isterinya mendorong Farah mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran ke Manchester. Perhubungan suami isteri ini pulih setelah Lukman menyedari sikapnya yang tidak adil kepada Farah dan mengetahui wasiat Sarah kepada adik kembarnya itu.

Selain daripada tema percintaan dan konflik perkahwinan pasangan muda ke lima-lima novel ini menyelitkan persoalan kekeluargaan yang rapat, mesra dan bertanggungjawab; menjadi tunjang kekuatan para wataknya dalam menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan. Semua watak tinggal dengan ibu bapa di kota, hanya Nurul Umairah yang tinggal bersama kawan-kawan di rumah sewa tetapi dia kerap pulang ke rumah ibu bapanya. Contohnya melalui watak Nurul Umairah dinyatakan dengan jelas peranan keluarga dalam kehidupan setiap pasangan, “Kalau I kahwin dengan you, I kahwin dengan keluarga you jugak, Fuad. Kita tak boleh hidup tanpa mereka. Hidup tak akan senang tanpa restu orang tua” (hlm. 359). Semasa Nurul Umairah mula menjalin hubungan mesra dengan Fuad, ahli keluarganya turut memberi pandangan dan bersetuju dengan pilihannya kerana sikap mulia Fuad walaupun datang dari keluarga kaya. Walaupun Nurul datang dari keluarga sederhana tetapi mereka semua menyayangi Nurul walaupun gadis itu hanya anak angkat.

Hubungan mesra dengan ibu bapa, adik beradik malah saudara mara menyebabkan semua watak penting dilukiskan mendapat kasih sayang dan dukungan semangat yang cukup untuk menghadapi pelbagai rintangan hidup. Contohnya Aida (semasa plot bermula dia sudah meninggal kerana barah payu dara), merupakan kakak Ifti Liyana dalam novel *Manisnya Cinta*. Digambarkan bahawa semua ahli keluarga menaruh perhatian besar terhadap Aida yang disahkan mengidap barah. Sebaliknya Bakhtiar, suami Aida berkahwin lain. Tiga orang anaknya yang masih kecil diletakkan di bawah jagaan ibu bapa dengan dibantu oleh Ifti Liyana dan Izealia Nurina.

Peranan penting ahli keluarga dalam kehidupan watak sekali gus menjulang semangat kekeluargaan dalam novel-novel pilihan ini. Tema kekeluargaan merupakan kekuatan pengarang-pengarang wanita ini dan menjadi daya tarikan yang kuat dalam kalangan khalayak. Ia sekali gus memperakukan bahawa kekeluargaan masih sangat penting dalam kehidupan rakyat Malaysia. Tema kekeluargaan merupakan kekuatan pengarang wanita (Rosnah Baharudin, 2006).

(d) Watak dan Perwatakan

Semua watak utama lima novel pilihan ini merupakan orang-orang muda yang berumur di bawah 30 tahun. Kebanyakan watak digambarkan cantik dan kacak dan ini menjadi daya tarikan utama khalayak remaja untuk mengikuti perkembangan cerita. Ia sebahagiannya memegang ciri-ciri novel hikayat yang mementingkan watak-watak yang cantik dan tampan (Hashim Awang, 1989: 1-46). Oleh kerana semua novel ini ditulis oleh pengarang wanita, kelihatannya mereka memberi perhatian kepada kekacakan watak lelaki yang menjadi tarikan kepada watak wanitanya. Sebagai contoh gambaran kekacakan Fuad dalam novel *Kau Untukku* dari kaca mata Aku (Nurul Umairah), “Dia tersenyum. Terpegun aku [Nurul

Umairah] melihatnya. Lebih-lebih lagi dengan memakai baju Melayu, terserlah kekacakannya malam itu” (hlm.215). Sebuah contoh dipetik dari novel *Jendela Hati*, ”Kacaknya dia [Lukman Hafizi]. Tidak adakah wanita lain yang cuba menghampirinya ketika dia kematian isteri? Fikiranku mula berlegar-legar memikirkannya” (hlm.101).

Dari segi pendidikan, dalam kalangan watak-watak utama hanya Salina dalam *Kau yang Satu* yang tidak mencapai pelajaran hingga ke IPT. Salina anak nelayan miskin terpaksa berhenti sekolah pada tahap tingkatan enam kerana kekurangan belanja. Dia juga berkorban untuk memberi ruang kepada dua orang adiknya mendapat pendidikan di sekolah menengah. Walau bagaimanapun Salina digambarkan sebagai seorang gadis yang berbudi bahasa, lemah lembut, menutup aurat dan merupakan anak yang baik.

Selain Salina watak-watak utama lain merupakan lulusan IPT dalam dan luar negara yang mewajarkan mereka memegang jawatan yang sesuai dengan kelulusan yang ada. Seajar itu didapati golongan wanita juga menjawat jawatan yang baik yang membolehkan mereka berdikari, mempunyai pendapatan sendiri dan membuat keputusan tanpa terikat dengan orang lain. Sebagai contoh Zahlia merupakan graduan UKM dalam bidang perakaunan walaupun dia bekerja sebagai guru di sekolah Sinar Aram; sekolah rendahnya. Nurul Umairah lulusan UiTM dan bekerja sebagai setiausaha di sebuah syarikat swasta, watak Farah Wahidah lulusan University Manchester, England dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Ifti Liyana berkerja sebagai Pereka Hias Dalaman di sebuah syarikat swasta.

Dibandingkan dengan watak wanita watak-watak lelaki lima buah novel ini mendapat pendidikan di luar negara seperti Tengku Syhran lulusan University Oxford dan menjawat jawatan tinggi di Neraca Holdings, syarikat keluarganya. Begitu juga Fuad dari keluarga kaya juga mendapat pendidikan luar negara dan bekerja sebagai pengurus kanan bahagian pemasaran di sebuah syarikat swasta dan juga merupakan ketua Nurul Umairah. Taufik Iskandar anak Datuk Mustaza, tuan punya Mesra Holdings turut bekerja di syarikat keluarganya. Secara tidak langsung dapatlah dirumuskan watak-watak lelaki lima buah novel pilihan ini merupakan pemuda-pemuda yang mempunyai kedudukan dan status tinggi dalam masyarakat. Mereka berpendidikan tinggi dan berasal dari keluarga kaya. Mereka menjadi idaman wanita-wanita muda yang ingin menumpang kedudukan watak-watak lelaki berkenaan. Contohnya Isabella, model jelita watak novel *Kau yang Satu* yang berazam mendapatkan cinta Taufik untuk membolehkan dia mendapat kedudukan yang baik dalam masyarakat. Begitu juga Linda watak sampingan novel *Bicara Hati* berusaha memenangi hati Tengku Syhran untuk mendapat kehidupan yang lebih mewah. Perebutan perhatian pemuda-pemuda kaya ini rata-rata menambah keseronokan dalam kalangan pembaca. Walau bagaimanapun para pengarang novel itu tidak membenarkan watak-watak wanita menjadi “hitam”. Sebaliknya mereka mempunyai akhlak terpuji, diberi kemenangan untuk berkongsi kemewahan yang dimiliki. Secara tidak langsung para pembaca dapat memahami mesej yang secara tersirat disulam dalam plot cerita melalui perlukisan nasib watak-wataknya.

Dapat dirumuskan bahawa sesungguhnya novel-novel popular pilihan ini banyak berlegar dalam kalangan orang-orang muda yang mempunyai masa depan cerah, berwajah jelita dan tampan sebagai elemen penting menarik perhatian khalayak pembaca sasaran. Status mereka semakin tinggi apabila digambarkan berasal dari keluarga yang mewah. Golongan berusia diberi tanggung jawab sebagai penjaga moral dan nilai kekeluargaan yang dijunjung oleh para pengarangnya.

(e) Teknik Penulisan dan Bahasa

Secara jelasnya kesemua novel popular pilihan ini menggunakan teknik penulisan plot konvensional yang mudah difahami iaitu dengan rumus “permulaan, pertengahan dan pengakhiran” yang selalunya *happy ending*. Teknik penulisan begini merupakan ciri umum penulisan novel popular yang gemar dibaca oleh masyarakat umum khususnya golongan remaja. Namun demikian terdapat juga teknik-teknik penulisan seperti sorot kembali (*flashback*) dan monolog dalaman (*interior monolog*) yang diselitkan secara jelas dalam plot cerita yang dengan mudah dapat difahami khalayak pembaca umum. Contoh teknik sorot kembali dalam novel *Bicara Hati* (hlm. 135-136) yang membangkitkan latar belakang perjanjian Zahlia dan Tengku Syahrhan yang dipersetujui bersama sebelum berumah tangga. Novel *Manisnya Cinta* juga ada menyelitkan teknik sorot kembali yang panjang hingga tiga bab yang berperanan memberi latar belakang kesengsaraan Aida yang mengidap kanser payu dara dan didera suaminya Bakhtiar yang pergi berbulan madu dengan isteri barunya (hlm. 131-157). Teknik ini diletakkan dalam bab-bab tersendiri iaitu bab-bab 25, 26 dan 27 yang membolehkan pembaca memahami latar belakang peristiwa mengapa Ifti Liyana menolak untuk dijodohkan dengan bekas abang iparnya itu. Bakhtiar dianggap tidak sensitif, tidak *mawwadah warrahmah* terhadap isteri apatah lagi isteri yang sedang menderita sakit. Teknik sorot kembali ini sangat membantu pemahaman pembaca terhadap penolakan Ifti.

Teknik monolog dalaman yang menyorot fikiran watak terhadap seseorang atau sesuatu perkara dapat dilihat di halaman dandi halaman dalam novel *Kau yang Satu* (hlm. 147-148 dan 284-285). Namun kedudukan monolog dalaman ini mudah difahami pembaca kerana diletak dalam teknik yang jelas dan terpisah dari paragraf sebelumnya. Penggunaan teknik penulisan yang mencabar kesabaran dan kefahaman pembaca adalah digalakkan supaya terdapat variasi teknik penulisan.

Selain teknik-teknik di atas terdapat teknik yang sinonim dan merupakan ciri umum karya popular iaitu teknik kebetulan. Dalam lima buah novel popular ini terdapat begitu banyak teknik kebetulan ini diaplikasikan secara sedar oleh pengarangnya. Misalnya dalam novel *Manisnya Cinta* terutama yang berkaitan dengan pertemuan dan pemupukan cinta antara watak Ifti Liyana dengan Nazmi seolah-olah pemuda itu sentiasa mengikuti pergerakan gadis yang mula menarik perhatiannya. Ciri kebetulan ini jika terlalu banyak dapat melemahkan pergerakan plot cerita yang bergerak atas dasar sebab dan akibat.

Dari segi gaya bahasa pula ternyata penggunaan bahasa mudah banyak diaplikasikan dalam lima buah novel ini. Penggunaan bahasa Inggeris dalam dialog watak-watak sengaja digambarkan untuk mewajarkan kebiasaan berkomunikasi masyarakat Malaysia yang sering menggunakan bahasa rojak. Keadaan ini banyak berlaku di pejabat swasta dan dalam kalangan watak yang mendapat pendidikan aliran Inggeris di dalam apatah lagi di luar negara. Mungkin inilah nilai komersial yang cuba diterapkan pengarang novel-novel popular ini dan disokong pula oleh para penyunting novel mereka. Oleh kerana tema dan persoalan lima novel ini berlegar kisah biasa seperti percintaan, perkahwinan dan kekeluargaan, bahasa yang digunakan juga didapati selaras dengan tema dan persoalannya. Namun teknik penulisan yang mudah dan ringan merupakan jaminan pemahaman terhadap mesej dalam novel-novel.

HASIL KAJIAN

Perbincangan ini menirukan perhatian kepada mengenal pasti ciri-ciri yang ada pada novel popular sehingga menerusi ciri-ciri itu dapat menjadikannya novel terlaris dan digemari oleh khalayak terutama golongan remaja. Lima novel popular yang dipilih ialah *Bicara Hati* oleh

Damyana Hana, *Kau Untukku* oleh Aisya Sofea, *Jendela Hati* oleh Aisya Sofea, *Kau yang Satu* oleh Nia Azalea dan *Manisnya Cinta* oleh Anis Ayuni. Sementara kecenderungan itu dilihat dari kaca mata golongan remaja yang diperhatikan merupakan pembaca utama sub genre ini.

Perbincangan ini juga melihat dua dimensi ciri novel popular iaitu luaran dan dalaman. Ciri luaran mengambil kira aspek penerbit, promosi yang dijalankan, pengarang dan pakej yang ada pada novel itu sendiri. Sementara ciri dalaman merangkumi aspek tema, watak dan teknik penulisan. Tema yang menjadi pancingan dalam kalangan remaja ternyata percintaan muda mudi, konflik perkahwinan bagi pasangan muda yang melibatkan hubungan kekeluargaan. Watak yang menjadi tumpuan remaja adalah mereka yang mempunyai fizikal yang menarik dan berpendidikan tinggi. Kedua-dua ciri ini memberi kesan ke atas gaya hidup bandar, gengsi dan elit. Ciri ini pula memberi kesan ke atas kewajaran pengarang menggembelng teknik naratif yang konvensional seperti plot yang senang difahami dengan dibantu oleh teknik imbas kembali dan monolog dalaman serta menyelitkan unsur kebetulan. Kehidupan moden yang diajukan pengarang mewajarkan penggunaan bahasa kolokial yang terapung-apung antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.

KESIMPULAN

Berdasarkan ciri-ciri ini didapati bahawa ia selari dengan tuntutan personaliti remaja yang menjadi khalayak utama novel popular. Dimensi ciri luaran novel seperti yang dinyatakan, selari dengan apa yang melingkungi dunia remaja. Kesendengan terhadap budaya yang dipandu secara dominan oleh media massa atau orang banyak, khalayak novel popular juga mencari nilai komersial, glamour atau sensasi (reka bentuk buku, diri pengarang, cerita, watak/latar moden). Kadar capaian (*accessibility*) remaja secara maya mahupun ke ruang sosial (kedai buku, pesta buku), begitu membantu mengakrabkan mereka dengan novel popular. Kesendengan ini persis yang berlaku dalam genre filem dan muzik apabila ciri dan nilai popular itu yang ditawarkan. *Simplicity and pleasure* merupakan ideologi kebanyakan remaja ini; mereka tidak mahu terikat dengan sesuatu yang rumit, sebaliknya memudahkan dan menyeronokkan. Ia jelas kemudiannya terpantul dalam bahasa, strategi naratif pengarang dan cerita yang dikarang dalam beberapa novel yang dikaji.

RUJUKAN

- Berstein, Douglas and Edward J. Roy, 1988. *Psychology*. Dallas: Houghton Mifflin Co.
- Kamariah Kamarudin. 2005. Antara Novel Popular, Sastera Popular dan Penulis Popular dalam *Idealisme dan Intelektualiti dalam Karya*, Mohamad Saleeh Rahamad, SM Zakir, Shamsuddin Othman dan Mohd Hanafi Ibrahim (peny.). Kuala Lumpur: PENA.
- Hashim Awang. 1989. *Novel Hikayat : Struktur Penceritaan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Misran Rokimin. 2006. Tujuh Ramuan Diadun dalam Novel Popular *Mencintaimu* karya Nass Alina Noah. Kertas kerja Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia pada 14-15 Disember.
- Mohammad Saleeh Rahamad. 2006. *Bagaikan Puteri: Sebuah Hikayat Moden*. Kertas Kerja Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia pada 14-15 Disember

Neugarten, Bernice. 1968. *Adult Personality: Toward A Psychology of The Life Cycle in Middle Age and Aging*. Chicago: University of Chicago Press.

Rahaiza Ismail, Hamidah Zabidi, Mohd Yusman Awang dan Muhd Zuki Pileh. 2003. "Sastera Melayu Hampir Mati" dalam *Massa*, Januari.

Rosnah Baharudin. 2006. *Tunjukkan aku Satu Bintang: Nilai Kekeluargaan yang Kabur*. Kertas Kerja. Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia pada 14-15 Disember

Samsiah Mohd Nor. 2008. *Mesej Dakwah dalam Novel Popular*. Kertas Cadangan Ijazah Kedoktoran, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.

Talib Samat, 2006. *Strategi dan Teknik Naratif dalam Novel Jendela Hati Karya Aisya Sofea*. Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, 14-15 Disember.

Mawar Safei¹, Rosnah Baharudin¹, Siti Rugayah Tibek²,
Fariza Md Sham², Zamri Ariffin², Samsiah Mohd Nor¹
¹Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
²Fakulti Pengajian Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
¹mar@ukm.my